

**BAHASA ROJAK: SATU KAJIAN ANALISIS KANDUNGAN TENTANG
PENGUNAANNYA DI DALAM MAJALAH REMAJA**

**P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK
UNIMAS**



1000143594

HAFIZAN KONO BINTI JAMIL

**Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian
(Kajian Komunikasi)**

**Fakulti Sains Sosial
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2005**

SENARAI KANDUNGAN

	halaman
PENGHARGAAN	I
ABSTRAK	II-III
SENARAI JADUAL	IV
SENARAI RAJAH	V
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1-3
1.1 Latarbelakang kajian	4
1.1.1 Bahasa	4-6
1.1.2 Media cetak	6-8
1.1.2.1 Majalah Remaja	8-9
1.1.3 Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka	9
1.2 Kenyataan masalah	10-11
1.3 Objektif umum	11
1.3.1 Objektif khusus	11-12
1.4 Kepentingan kajian	12-13
1.5 Limitasi kajian	13
BAB 2: ULASAN KARYA TERPILIH	
2.0 Pengenalan	14
2.1 Kajian Peristilahan/pertukaran dan penggabungan kod bahasa	14-19
2.2 Kajian teori penggunaan dan kepuasan media	19-23
2.3 Kajian teori pembelajaran	23-28
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	
3.0 Pengenalan	29-30
3.1 Kaedah pengumpulan data	31
3.1.1 Data primer	31
3.1.2 Data sekunder	31-32
3.1.2.1 Buku rujukan	32
3.1.2.2 Jurnal, tesis dan majalah akademik	32
3.1.2.3 Lain-lain	32-33
3.2 Instrumen Kajian	33
3.2.1 Borang kod	33
3.3 Kaedah persampelan	33
3.4 Prosedur penganalisaan data	34
3.4.1 Statistik diskriptif	34
3.5 Persembahan data	34
3.5.1 Graf dan carta pai	34
3.5.2 Jadual	35

BAB 4: DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.0 Pengenalan	36
4.1 Keputusan analisis kandungan	36
4.1.1 Frekuensi keseluruhan edisi	36-38
4.1.2 Perbandingan kekerapan BR berdasarkan edisi	39-45
4.1.3 Ruangan dan subjek yang sering menggunakan BR	46-58
4.1.4 Penulis yang sering menggunakan BR	59-64
4.1.5 Jenis bahasa yang sering digunakan dalam BR	65-69
4.2 Perbincangan	70-73
4.2.1 Jenis bahasa	73-76
4.2.2 Ruangan dan topik	76-79
4.2.3 Penulis	80-84
4.3 Aplikasi teori	84-86

BAB 5: CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pengenalan	87
5.1 Cadangan	87-89
5.2 Kesimpulan	89-92

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, saya berjaya menyiapkan Projek Tahun Akhir (PTA) yang bertajuk **BAHASA ROJAK: SATU KAJIAN ANALISIS KANDUNGAN TENTANG PENGGUNAANNYA DI DALAM MAJALAH REMAJA** tanpa sebarang kerumitan yang tidak dapat diselesaikan. Kejayaan ini tidak akan tercapai sekiranya tiada bantuan, tunjuk ajar, galakan, kerjasama dan sokongan daripada semua pihak.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pensyarah dan kakitangan Fakulti Sains Sosial terutama sekali kepada penyelia PTA saya. Beliau telah banyak membantu dan membimbing saya dari awal kajian hingga akhir kajian ini. Pelbagai motivasi dan panduan telah diberikan kepada saya agar saya tidak berputus asa untuk meneruskan PTA ini.

Tidak dilupakan juga ucapan penghargaan kepada kedua-dua ibu bapa saya, ahli keluarga dan rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberi sokongan, galakan dan semangat serta nasihat dan dorongan yang berguna untuk bekalan saya pada masa hadapan.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu saya menyempurnakan PTA ini. Pengalaman dan tunjuk ajar sepanjang saya menjalankan PTA ini akan menjadi sesuatu yang tidak ternilai bagi diri saya. Sekian, terima kasih.

Abstrak

Pekembangan bahasa rojak dalam media masa semakin menjadi kebimbangan banyak pihak. Kajian ini dilakukan untuk mengkaji corak penggunaan bahasa rojak dalam media cetak iaitu majalah Remaja. Analisa yang dibuat terhadap enam edisi majalah Remaja dari bulan Julai hingga September 2004 adalah untuk melihat penggunaan bahasa rojak berdasarkan kekerapan setiap edisi, ruangan dan subjek yang paling kerap menggunakan bahasa rojak, penulis dan jenis bahasa yang digabungkan dengan Bahasa Malaysia.

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat kekerapan melebihi 50% daripada 900 muka surat yang dikaji. Selain itu, kajian ini juga membuktikan bahawa 97.7% bahasa asing yang digunakan adalah Bahasa Inggeris. Manakala ruangan yang menunjukkan kekerapan tinggi tidak tetap bagi setiap edisi namun ruangan Cerpen dan Novel bersiri menunjukkan kekerapan tertinggi dalam beberapa edisi. Dominasi penulis wanita dalam majalah ini menunjukkan bahawa mereka banyak menulis menggunakan bahasa rojak. Hasil kajian yang ditemui dikaitkan dengan teori penggunaan dan pemuasan terhadap media serta teori pembelajaran Skinner untuk meramalkan kesan yang akan berlaku kepada pembaca akibat kekerapan yang ditemui berdasarkan kerangka konseptual teori yang disediakan.

Abstract

The increase of usage of *bahasa rojak* in mass media has attracted society to look at the issue. This research is done to observe the pattern of its usage in a magazine named *Remaja*. Analyzing six editions of the magazine, from July to September 2004, is to examine the usage of *bahasa rojak* according to its frequencies in each edition, column and subject wrote using *bahasa rojak*, writer and types of language used as combination to *Bahasa Malaysia*.

The research found that there are frequent pattern of using *bahasa rojak* in more than half from 900pages analyzed. Furthermore, it is also found that English words are the highest used word in *bahasa rojak*. Short stories and novel were among the column that uses *bahasa rojak* frequently in a few editions. It is also shown that female writer used the most *bahasa rojak* than man in the magazine and they provide more articles in the magazine. This research also tries to correlate the uses and gratification theory and predict the effect of frequent usage of *bahasa rojak* with Skinner's theory of learning.

SENARAI JADUAL

Jadual 4.1.1(a): Kekerapan keseluruhan data

Jadual 4.1.1(b): Kekerapan edisi tanpa muka surat yang tidak mempunyai BR

Jadual 4.1.1(c): Jumlah BR dalam setiap edisi

Jadual 4.1.2: Jumlah kekerapan BR keseluruhan

Jadual 4.1.3(a): Kekerapan ruangan dalam edisi 429

Jadual 4.1.3(b): Kekerapan ruangan dalam edisi 430

Jadual 4.1.3(c): Kekerapan ruangan dalam edisi 431

Jadual 4.1.3(d): Kekerapan ruangan dalam edisi 432

Jadual 4.1.3(e): Kekerapan ruangan dalam edisi 433

Jadual 4.1.3(f): Kekerapan ruangan dalam edisi 434

Jadual 4.1.5: Keseluruhan kekerapan jenis bahasa

Jadual 4.1.5(a) : Kekerapan jenis bahasa dalam edisi 429

Jadual 4.1.5(b) : Kekerapan jenis bahasa dalam edisi 430

Jadual 4.1.5(c) : Kekerapan jenis bahasa dalam edisi 431

Jadual 4.1.5(d) : Kekerapan jenis bahasa dalam edisi 432

Jadual 4.1.5(e) : Kekerapan jenis bahasa dalam edisi 433

Jadual 4.1.5(f) : Kekerapan jenis bahasa dalam edisi 434

SENARAI RAJAH

Rajah 2.3: Kerangka konseptual Skinner

Rajah 4.1.2(a): Kekerapan BR dalam edisi 429

Rajah 4.1.2(b): Kekerapan BR dalam edisi 430

Rajah 4.1.2 (c): Kekerapan BR dalam edisi 431

Rajah 4.1.2 (c): Kekerapan BR dalam edisi 432

Rajah 4.1.2 (c): Kekerapan BR dalam edisi 433

Rajah 4.1.2 (c): Kekerapan BR dalam edisi 434

Rajah 4.1.4(a): Kekerapan penulis yang menggunakan BR dalam edisi 429

Rajah 4.1.4(b): Kekerapan penulis yang menggunakan BR dalam edisi 430

Rajah 4.1.4(c): Kekerapan penulis yang menggunakan BR dalam edisi 431

Rajah 4.1.4(d): Kekerapan penulis yang menggunakan BR dalam edisi 432

Rajah 4.1.4(e): Kekerapan penulis yang menggunakan BR dalam edisi 433

Rajah 4.1.4(f): Kekerapan penulis yang menggunakan BR dalam edisi 434

Rajah 4.3: Aplikasi kerangka konseptual Skinner

BAHASA ROJAK: SATU KAJIAN ANALISIS KANDUNGAN TENTANG PENGUNAANNYA DI DALAM MAJALAH REMAJA

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Pengaruh bahasa rojak (BR) dalam pertuturan seharian sudah tidak boleh dipertikaikan lagi. Seperti dakwaan Awang Sariyan (2004), “ahli bahasa melihat bahasa yang bercampur baur ini sebagai salah satu ragam bahasa basahan, iaitu bahasa yang digunakan untuk urusan tidak rasmi, seperti dalam perbualan, gurau senda dan sebagainya” (p.9). Fenomena ini juga berlaku di Indonesia apabila pengguna Bahasa Melayu Indonesia gemar mengakronimkan istilah dan mencampurkannya dengan bahasa sukuan yang tidak bertapis (Nassury, 29 November 2004).

Malahan Tun Dr Mahathir juga bersetuju bahasa Melayu sering dicampur dengan bahasa lain seperti Bahasa Arab dan Inggeris kerana faktor kosa kata yang amat terhad dan tidak mencukupi pada zaman yang serba canggih ini (Faiza, 29 April 2004). Beliau juga menggalakkan kajian tentang BR ni dilakukan supaya dakwaan tentang fenomena ini lebih berasas.

Situasi penggunaan BR yang semakin berleluasa ini menyebabkan Bahasa Malaysia semakin terpicil dan terpinggir bahkan oleh bangsa Melayu sendiri seperti dakwaan Datuk Aziz Deraman (Noor Azam, 23 Mei 2004). BR yang dikatakan sebagai “fesyen bahasa anak muda” dan “bahasa orang yang tidak pedulikan bahasa” ini adalah

satu isu sampingan kepada isu sebenar iaitu sikap bangsa Melayu sendiri yang tidak peka dengan ketulenan bahasa (Noor Azam, 16 Mei 2004). Rais bagaimanapun tidak membangkang sekiranya BR ini digunakan dalam pertuturan seharian, namun penggunaanya tidak harus dipraktikkan dalam majlis rasmi atau penulisan (Awang Sariyan, 2004).

Selain sebagai bahasa penyatuan antara kaum, Bahasa Malaysia juga berperanan sebagai bahasa ilmu apabila ia digunakan di sekolah berikutan Laporan Razak 1956 yang mencadangkan Bahasa Malaysia (ketika itu masih bahasa Melayu) digunakan sebagai penghantar dalam sistem pendidikan negara. Buku teks juga dikarang dengan menggunakan Bahasa Malaysia. Ini menunjukkan betapa pentingnya peranan Bahasa Malaysia dalam aktiviti pendidikan di Malaysia. Selain pendidikan secara formal, rakyat Malaysia boleh mendapatkan informasi secara tidak formal melalui pembacaan bahan-bahan lain seperti akhbar, majalah dan bentuk media lain.

Satu kajian tentang tabiat dan minat membaca di kalangan rakyat Malaysia telah dijalankan pada tahun 1996. Kajian ini membincangkan tabiat dan minat membaca rakyat Malaysia yang berumur 10 tahun ke bawah dan rakyat 10 tahun ke atas. Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan terdapat empat bahan bacaan utama yang dibaca oleh responden iaitu suratkhbar, majalah, buku dan komik (p. 65). Bagi pembaca majalah, tujuan utama yang dicatatkan hasil kaji selidik yang dibuat adalah untuk mendapatkan pengetahuan baru atau maklumat iaitu sebanyak 48% daripada semua pembaca majalah (sumber daripada Profil Membaca Rakyat Malaysia 1996). Sehubungan itu, majalah merupakan sumber pengetahuan yang penting bagi sesetengah penduduk di Malaysia.

Namun begitu, apabila BR turut mempengaruhi media cetak yang berperanan sebagai sumber pengetahuan, ia perlu dipersoalkan. Tambahan lagi majalah Remaja yang menggunakan slogan “Sensasi, glamor dan informatif.” Walaupun ia berkonsepkan santai dalam menyampaikan informasi kepada khalayaknya, pendekatan BR tidak seharusnya dilazimkan. Tidak menjadi kesalahan untuk penerbit menggunakan BR dalam majalah tersebut, tetapi konsep santai juga boleh diketengahkan dengan Bahasa Malaysia yang betul dari segi nahu dan tatabahasanya.

Sekiranya proses pelaziman BR dipraktikkan dalam semua media cetak yang berkonsepkan hiburan dan santai, maka media cetak yang menggunakan Bahasa Malaysia yang betul hanyalah majalah berunsur akademik yang amat sedikit jumlah pembelinya (Pauzi, 3 Jun 2004). Fenomena ini tidak seharusnya berlaku kerana peranan memartabatkan Bahasa Malaysia harus dilaksanakan oleh semua media cetak tanpa mengira konsep dan agenda media tersebut. Ini disebabkan, penggunaan Bahasa Malaysia lebih mudah dikawal dengan penulisan berbanding pertuturan.

Kajian ini dibuat untuk mengetahui tahap penggunaan BR di dalam media cetak umumnya dan majalah Remaja khususnya. Sekiranya kadar kekerapan penggunaan BR tersebut dan pengaruh terhadap pembaca tinggi, ia harus dikawal ataupun dielakkan penggunaannya. Ini demi membantu usaha kerajaan memartabatkan Bahasa Malaysia ke taraf bahasa antarabangsa (Abdul Rahim, 2001) .

1.1 Latarbelakang kajian

Kajian ini merangkumi dua subjek utama iaitu bahasa dan media cetak. Kedua-dua aspek ini berkait rapat antara satu dengan lain.

1.1.1 Bahasa

Bahasa Malaysia adalah bahasa kebangsaan Negara Malaysia seperti yang tertakluk dalam perlembagaan Malaysia. Ia digunakan dalam urusan seharian sama ada formal atau tidak. Bahkan, fungsi Bahasa Malaysia lebih daripada sekadar untuk berkomunikasi antara satu dengan lain. Satu kenyataan dalam akhbar menyatakan “jika ditinjau dari segi sejarah, Bahasa Malaysia sudah menjadi alat menyatukan tiga kaum dalam Malaysia dan juga lebih 50 etnik dari Sabah dan Sarawak sejak negara Malaysia merdeka 47 tahun yang lalu” (Unknown, 23 Mei 2004). Pendapat ini disokong oleh Asmah (1982) yang juga mengatakan Bahasa Malaysia adalah *lingua franca* bagi penduduk di beberapa buah negara seperti Malaysia, Indonesia, Selatan Filipina, Singapura dan Brunei.

Bahasa Malaysia digunakan sebagai bahasa perantaraan kerana sifatnya yang mudah berubah dengan proses adaptasi dan ini telah mewujudkan satu ragam bahasa yang dikenali sebagai BR (Asmah, 1982). Ragam bahasa seperti ini juga dikenali sebagai bahasa pasar atau bahasa basahan dan telah wujud sejak zaman dahulu lagi. Penggunaannya terhadap kepada situasi tidak rasmi seperti di pasar dan di tempat-tempat awam (Awang Sariyan, 2004).

Dari segi definisinya, tiada makna khusus untuk BR di dalam kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (Awang Sariyan, 2004). Walau bagaimanapun, kebanyakan ahli bahasa mentafsirkan BR sebagai bahasa yang bercampur-campur seperti Bahasa Malaysia dicampurkan dengan Bahasa Inggeris, Arab, Jepun dan lain-lain. Ragam bahasa seperti inilah yang didakwa oleh Datuk Seri Dr. Rais Yatim sebagai bahasa “sekerat ular, sekerat belut” (Awang Sariyan, 2004; p.11). Beliau mengambil contoh frasa “sure heboh” yang digunakan oleh sebuah stesen televisyen swasta untuk program yang diadakan. Walaupun dakwaan itu ditujukan kepada media elektronik, penggunaan ragam bahasa tersebut telah merebak ke media-media lain seperti media cetak.

Bidang linguistik mengkategorikan ragam bahasa ini sebagai penukaran dan penggabungan dua kod bahasa yang berlainan termasuk bahasa dialek (Asmah, 1982). Menurut Asmah juga, penukaran kod berlaku dalam bahasa yang sama atau bahasa yang berlainan bagi masyarakat yang boleh bertutur dua bahasa (1982; p. 128). Menurut Lowenberg (1991; p.372) pula, penggabungan kod berlaku untuk mengeratkan perhubungan dan kebiasaan antara penutur, manakala penukaran kod pula untuk menanda perubahan dalam hal-hal praktis” (diambil daripada Preshous, 2001; p.51).

Holmes (1992) mengatakan bahawa seseorang mungkin menukar kod kerana kurang mahir dengan kosa kata bahasa asing yang digunakan. Selain itu antara faktor lain yang menyebabkan berlakunya penukaran kod

adalah kata pinjaman yang berasal daripada bahasa lain untuk menerangkan konsep atau objek yang tidak terdapat dalam bahasa tersebut. Proses penukaran kod yang berlaku di kalangan masyarakat Malaysia bertujuan memberikan kefahaman yang lebih jelas dalam komunikasi antara manusia (Asmah, 1982).

Beberapa kajian sosiolinguistik telah dilakukan untuk mengkaji penukaran dan penggabungan kod ini. Trudgill (1992) mengatakan beberapa kajian sosiolinguistik dalam bidang ini cuba mencari faktor yang mempengaruhi penukaran kod daripada bahasa yang lebih dominan dengan bahasa lain. Terdapat juga kajian berkaitan tatabahasa ayat yang mengandungi kod yang ditukar ke bahasa lain dan juga kajian tentang sejauh mana penukaran kod boleh dibezakan dengan pinjaman perkataan bahasa asing (Trudgill, 1992;pp.16-17).

Walaupun terdapat ahli akademik membezakan antara penukaran kod dan penggabungan kod bahasa, definisi Trudgil (1992) terhadap kedua-dua ragam bahasa tersebut adalah proses yang melibatkan penggunaan dua bahasa secara serentak dalam satu perbualan dengan tujuan yang tertentu. Kajian-kajian yang telah dilakukan ini akan dijadikan sebagai rujukan untuk memahami konsep penukaran kod bahasa dalam kajian tentang BR ini.

1.1.2 Media cetak

Media adalah satu bahan yang digunakan untuk menyampaikan mesej. Salah satu media yang terkenal di kalangan masyarakat Malaysia adalah media cetak yang terdiri daripada pelbagai jenis seperti buku akademik, akhbar harian dan mingguan serta majalah juga risalah informasi. Setiap media cetak ini mempunyai khalayak sasaran tersendiri yang terdiri daripada golongan pembaca tertentu.

Setiap media cetak tersebut menjalankan fungsi-fungsi tertentu berdasarkan jenisnya yang tersendiri. Menurut, Lasswell (1948) media sangat kuat pengaruhnya dan mudah disebarkan kerana ia mengumbang beberapa peranan sosial kepada masyarakat (Stamm & Bowes, 1990;p.95). Empat peranan sosial media menurutnya adalah sebagai pengawas kepada persekitaran, terjemahan kepada persekitaran, kaitannya dengan peristiwa dan sebagai agen perpindahan budaya. Menurutya lagi, setiap peranan tersebut dikaitkan dengan informasi yang disediakan oleh media untuk memastikan semua peranan tersebut dapat dicapai.

Sebagai contoh, akhbar harian mempunyai peranan untuk menyampaikan berita daripada luar negara dan mengaitkannya dengan peristiwa yang berlaku dalam negara. Begitu juga dengan media cetak lain seperti majalah dan bahan bacaan picisan lain. Terdapat juga majalah yang berunsurkan hiburan semata-mata seperti majalah Media Hiburan dan Mangga. Setiap media cetak yang diterbitkan mempunyai agenda dan

objektif tersendiri untuk menyempurnakan peranannya kepada masyarakat.

Media juga berperanan sebagai sumber pembelajaran yang mencorakkan masyarakat, kerana media berpengaruh untuk mendidik hati, akal, dan fizikal orang ramai (Zubli, 2004; p.13). Dalam konteks media cetak, peranan ini dimainkan oleh penulis yang seharusnya menggunakan aturan bahasa yang betul dan tidak bercampur-campur. Ini kerana struktur bahasa yang betul akan mencerminkan kredibiliti media tersebut untuk memenuhi fungsi dan tanggungjawab mereka kepada masyarakat.

1.1.2.1 Majalah Remaja

Media cetak yang dianalisa dalam kajian ini adalah majalah Remaja. Majalah yang diterbitkan oleh Kumpulan Karangraf Sdn. Bhd. Slogan majalah ini adalah “Sensasi, glamor dan informatif”.

Ditubuhkan pada 1977 dengan penerbitan pertamanya “Sejarah Melayu: Satu ulasan dan kajian”, syarikat ini menerbitkan lebih kurang 28 buah majalah untuk pasaran di Malaysia. Selain majalah Remaja, Syarikat Karangraf juga menerbitkan beberapa majalah lain seperti Wanita, Rasa dan Pesona Pengantin serta beberapa majalah akademik seperti Dewan Kosmik, Dewan Siswa dan Dewan Pelajar. (Sumber laman web karangraf.com.my).

Majalah yang menampilkan konsep santai dalam menyampaikan mesej ini menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Antara ruangan yang terdapat dalam majalah ini adalah mode, rencana dan bicara hati pembaca. Majalah ini juga tidak ketinggalan menampilkan isu yang berlainan dalam setiap edisi untuk menarik perhatian masyarakat tentang isu terkini yang berlaku dalam dan luar negara.

1.1.3 Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka

Ditubuhkan pada 22 Jun 1956, Dewan Bahasa dan Pustaka adalah sebuah badan kerajaan yang kemudiannya berubah status kepada taraf sebuah badan berkanun. Penubuhan badan ini berfungsi sebagai sebuah badan yang memahami peranan bahasa dan persuratan khususnya dari segi pengisian pemikiran dan ilmu kepada masyarakat (Abdul Rahim, 2001).

Matlamat utama Dewan Bahasa dan Pustaka adalah memajukan dan mengembangkan bahasa kebangsaan (Nassury Ibrahim, 29 November 2004) . Oleh itu, untuk merealisasikan matlamat tersebut, salah satu usaha yang dijalankan adalah memantapkan Bahasa Malaysia dari sudut sistemnya termasuk tatabahasa, ejaan peristilahan dan sebagainya. Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan bahan bercetak dan kini penerbitan elektronik sebagai satu inisiatif untuk memasyarakatkan Bahasa Malaysia kepada seluruh lapisan rakyat (Abdul Rahim, 2001;p.8).

Selain itu, DBP juga memainkan peranan untuk merancang projek dan kegiatan pelaksanaan bahasa kebangsaan, memperluas penggunaan Bahasa Malaysia di sektor awam, swasta, media masa dan masyarakat umum serta menjalankan kegiatan apresiasi sastra khalayak kanak-kanak, remaja, masyarakat umum, masyarakat bukan Melayu dan golongan profesional (Salbiah, 8 Mei 2004).

1.2 Kenyataan masalah

Penggunaan BR atau lebih dikenali penukaran kod dalam pertuturan seharian memang diakui berlaku kepada masyarakat yang bertutur dua bahasa di seluruh dunia (Asmah, 1982). Namun begitu penggunaan BR dalam bentuk penulisan di media cetak seperti majalah Remaja tidak memenuhi fungsi media cetak sebagai pendidik dari aspek penggunaan Bahasa Malaysia yang tepat.

Jika dikaji pengaruhnya kepada pembaca, ada kemungkinan majalah tersebut mendorong penggunaan BR dalam pertuturan seharian. Lebih memburukkan keadaan, sekiranya BR kerap kali diulang dalam majalah tersebut. Kekkerapan dan proses mengulang sesuatu perkataan atau frasa berkali-kali mungkin akan menajamkan ingatan seseorang terhadap perkataan atau frasa tersebut. Ini berkemungkinan mempengaruhi pembaca menggunakannya dalam kehidupan seharian. Ini adalah satu strategi yang sering digunakan oleh pengiklan untuk menarik perhatian pembeli. Sekiranya situasi ini berterusan tanpa kekangan, tidak mustahil satu masa nanti generasi akan datang tidak tahu membezakan Bahasa Malaysia tulen dan BR.

Apabila Bahasa Malaysia yang tidak betul terlalu kerap digunakan untuk menyampaikan informasi kepada pembaca, ini akan mencerminkan kelemahan Bahasa Malaysia itu sendiri pada kaca mata pembaca. Kekuatan fakta yang disampaikan dengan bahasa yang lemah dan bercampur dengan bahasa asing akan dipertikaikan. Adalah lebih baik media tersebut menggunakan bahasa asing yang lebih sesuai untuk menyampaikan informasi tersebut. Sekiranya media tersebut memilih untuk menyampaikan mesej dengan menggunakan Bahasa Malaysia, mengapa tidak menggunakan Bahasa Malaysia yang tepat dan betul.

Selain itu, kredibiliti penulis menggunakan Bahasa Malaysia juga akan dipertikaikan oleh pembaca. Walaupun tidak mempraktikkan sepenuhnya dalam pertuturan seharian, penulis dengan mudah dapat menggunakan Bahasa Malaysia yang betul dalam hasil penulisan mereka. Ini disebabkan setiap bahan penulisan akan melalui proses edit yang biasanya akan dilaksanakan oleh editor.

Persoalan seperti kelemahan bahasa dan kredibiliti penulis dalam mengetengahkan Bahasa Malaysia yang betul timbul apabila terlalu banyak BR digunakan dalam majalah Remaja. Adakah hanya dengan menggunakan BR secara kerap di dalam majalah Remaja sahaja yang dapat mencapai pendekatan santai seperti yang dicanangkan di dalam majalah tersebut? Adakah penggunaan Bahasa Malaysia tulen tidak dapat digunakan untuk konsep santai tersebut? Persoalan inilah yang cuba dijawab dalam kajian analisis kekerapan BR dalam majalah Remaja.

1.3 Objektif Umum

Mengkaji kekerapan penggunaan BR dalam majalah Remaja.

1.3.1 Objektif Khusus

1. Mengkaji kekerapan penggunaan BR dalam setiap edisi majalah Remaja yang dipilih.
2. Mengkaji jenis-jenis bahasa asing yang sering digabungkan dengan Bahasa Malaysia.
3. Mengetahui jenis ruangan dan topik yang kerap menggunakan BR di dalam majalah Remaja.
4. Mengetahui penulis yang sering menggunakan BR dalam penulisan mereka.

1.4 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah untuk menganalisa corak penggunaan BR dalam majalah Remaja. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan satu pendedahan terhadap penggunaan BR dalam media cetak. Pihak yang terbabit dalam penerbitan majalah ini dapat memperbaiki tahap penggunaan Bahasa Malaysia sekiranya hasil kajian membuktikan bahawa penggunaan BR amat ketara di dalam majalah ini.

Selain itu, ia mungkin dapat membantu penerbit majalah tersebut untuk menjadikan majalah Remaja sebagai satu majalah yang mengekalkan ketulenan Bahasa Malaysia dengan pendekatan konsep santai yang diperkenalkan.

Sekiranya hasil yang diperolehi menunjukkan bahawa BR yang digunakan dalam majalah ini tidak keterlaluan, maka pihak berkuasa harus mengkaji faktor lain yang lebih banyak mendorong penggunaan BR dan cuba mencari jalan keluar.

Pihak berkuasa juga dapat memantau penggunaan BR di dalam media dengan fakta kekerapan yang diperolehi daripada kajian ini. Bagi pengkaji akan datang, kajian terhadap kesan penggunaan BR juga boleh dilakukan. Mereka juga boleh mengkaji langkah-langkah pencegahan penularan BR sekiranya penggunaannya dalam media berada pada tahap kritikal dan bakal merosakkan generasi masa hadapan.

1.5 Limitasi kajian

Batasan dalam kajian ini adalah sampel yang dipilih hanya mewakili satu per empat daripada jumlah majalah Remaja yang diterbitkan dalam masa setahun iaitu 24 terbitan. Ia juga hanya mengkaji 150 muka surat pertama dalam majalah yang dipilih. Selain itu, BR dalam kajian ini hanya melibatkan Bahasa Malaysia yang digabungkan dengan bahasa asing. Kajian ini tidak mengambil kira campuran antara dua bahasa lain seperti Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina atau lain-lain. Hasil kajian ini juga hanya boleh menerangkan kekerapan penggunaan BR dalam majalah Remaja sahaja dan tidak boleh digunakan untuk mewakili semua majalah yang diterbitkan di Malaysia ataupun semua majalah Remaja yang telah diterbitkan sebelum dan selepas ini.

BAB 2

ULASAN KARYA TERPILIH

2.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan ulasan daripada kajian terdahulu tentang konsep peristilahan atau kod penukaran bahasa. Ini disebabkan BR dalam konteks ini adalah struktur bahasa yang hampir sama dengan konsep penukaran dan peristilahan kod. Selain itu, kajian tentang teori penggunaan dan pemuasan media juga diterangkan kerana salah satu sebab yang mendorong masyarakat menggunakan media adalah mendapatkan informasi. Manakala rangka konsep teori pembelajaran diterangkan untuk meramalkan kesan daripada analisa kandungan hasil dapatan kajian dalam bab empat.

2.1 Kajian Peristilahan/penukaran dan penggabungan kod bahasa

Menurut Bonvillian (1993), situasi penukaran dan penggabungan kod bahasa lazim berlaku di kalangan masyarakat yang bertutur lebih daripada satu bahasa (p.16). Penukaran kod berlaku apabila seseorang individu menggunakan dua bahasa yang berbeza dalam satu perbualan yang sama atau dalam penulisan (Benson, 2001;p.23).

Kajian oleh Rekesh Mohan Bhatt (1997) menemui bahawa perbezaan susunan ayat antara bahasa melibatkan penukaran kod adalah kesan daripada pengetahuan tatabahasa seseorang yang terhad.

Scheu (2000) yang mengambil contoh penggunaan Bahasa Inggeris dan Spanish yang digunakan oleh penduduk Puerto Rico mengatakan bahawa tingkah laku bahasa ini ditentukan oleh beberapa faktor seperti keadaan, penutur dan topik yang diperkatakan. Definisi penukaran kod menurutnya pula adalah satu alternatif yang digunakan dalam satu perbualan, ayat atau keseluruhan situasi sebagai peraturan yang menentukan tingkah laku berbahasa (p.7).

Satu lagi kajian tentang penukaran kod adalah kajian yang mengaitkan *tandem learning* yang dibuat untuk menganalisa penukaran maksud dan kod bahasa antara 29 penuntut universiti yang berlainan bahasa di German dan Selatan Amerika. Penuntut universiti itu perlu membuat projek berkumpulan dan membentangkannya dengan perbincangan secara *online* melalui internet. Menurut Kötter (2003) yang menjalankan kajian tersebut, konsep *tandem learning* mengesan bahawa “semua pasangan pelajar mendapat kebaikan daripada kerjasama walaupun dengan bahasa yang berlainan (p.3). Kajian ini juga mendakwa sukar untuk menentukan sebab seseorang itu menukar kod bahasa daripada bahasa ibundanya kepada bahasa kedua atau sebaliknya.

Penukaran kod bukan sahaja dikaji dari bidang pendidikan bahkan juga kesenian. Seperti kajian yang dilakukan terhadap penukaran kod bahasa dalam genre muzik rai. Muzik rai adalah satu genre muzik yang menggabungkan puisi yang panjang dengan muzik latar daripada alat muzik tradisional tempatan yang berasal daripada Barat Algeria hingga ke

Morocco (Abdelâli & Davies, 2002;p.2). Menurut Bentahila dan Davies, adalah menjadi kebiasaan bagi masyarakat Morocco dan Arab Algeria serta Arab-Perancis untuk meminjam perkataan daripada bahasa Perancis atau sebaliknya (2002;p.4). Fenomena ini turut berlaku dalam lirik lagu rai seperti yang dilakukan oleh penyanyi Cheb Hakim iaitu memasukkan elemen bahasa Spanish dan gabungan bahasa Arab dan English (p.4).

Situasi yang sama turut berlaku di kalangan penyanyi di Malaysia. Lirik lagu “Tipah Tertipu” ini bukan sahaja mengandungi BR bahkan ada perkataan yang tidak mempunyai maksud langsung (Jaafar, 2004). Kajian ilmu saraf telah membuktikan bahawa nyanyian dan lagu ada kaitan dengan pembinaan minda. Gazzaniga mengaku bahawa penggunaan bahasa, walau bagaimanapun keadaannya, sama ada baik atau buruk sangat mempengaruhi minda dan pemikiran manusia (Jaafar, 2004; p.18). Jaafar juga menyimpulkan sama ada penukaran atau penggabungan dua kod bahasa, selagi ia dilakukan dengan cara yang betul, ia dapat meningkatkan emosi atau perasaan yang bijaksana (2004).

Terdapat perbezaan antara maksud penukaran kod dan penggabungan kod seperti yang dijelaskan oleh Martin (1999). Penukaran kod adalah penukaran bahasa antara ayat-ayat dalam perbualan iaitu *inter-sentential switching*, manakala penggabungan kod pula adalah penggunaan bahasa asing dalam sepotong ayat iaitu *intra-sentential switching* (p.5).